

01 NOV 2000
Brunei-Apec (Laporan Khas)
AZAM RAKYAT BRUNEI JAYAKAN APEC 2000

Oleh: Jackson Sawatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Nov (Bernama) -- Gerai makanan tepi jalan tidak jauh dari sebuah hotel lima bintang di sini dengan bangganya mempamerkan sepanduk menyambut kedatangan perwakilan ke forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) kerana Brunei akan menjadi tuan rumahnya bulan ini.

Gerai itu bukan sebahagian daripada kemudahan yang disediakan untuk Apec 2000 di Jerudong, namun ia kelihatan begitu "mesra Apec". Perniagaan di gerai itu pasti meningkat apabila perwakilan, pegawai dan wartawan dari separuh dunia tiba di sini bagi mesyuarat itu.

Gerai milik seorang Melayu Brunei itu, merupakan satu daripada contoh keghairahan 324,000 penduduk negara yang kaya dengan minyak ini untuk menganjurkan mesyuarat politik antarabangsa paling signifikan dan besar.

Di tempat lain dan sekitar bandar ini, sepanduk serupa dan papan iklan telah muncul manakala sesetengah kedai sudah mula menjual barangan dan cenderahati Apec 2000.

"Ini merupakan acara penting bagi kami, akan terdapat ramai orang, tokoh-tokoh penting datang ke negara kami dan kami perlu menunjukkan bahawa kami berupaya menganjurkan acara yang besar ini," kata seorang pemandu teksi.

Beliau sendiri tidak sabar menunggu mesyuarat Apec itu kerana -- sama seperti pemilik gerai tepi jalan itu -- ia bermakna akan ada lebih ramai pelanggan.

"Walaupun penganjur akan menyediakan banyak kereta, untuk mengangkut perwakilan tetapi mereka pasti memerlukan pemandu teksi seperti kami untuk membawa mereka bersiar-siar," katanya.

Buku panduan mengenai Apec 2000 menyatakan acara itu akan "mempamerkan Brunei kepada dunia yang tidak pernah dibuat sebelum ini" terutamanya kerana 5,000 anggota perwakilan dan hampir 2,000 wartawan akan berada di bandar ini bagi menghadiri mesyuarat selama seminggu itu bermula 10 Nov.

Brunei setakat ini merupakan ekonomi terkecil Apec menjadi tuan rumah mesyuarat itu namun faktor itu telah menaikkan lagi semangat rakyatnya untuk menjadikan Apec 2000 satu kejayaan.

Apec, yang berhasrat menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi di rantau Asia Pasifik, ditubuhkan oleh 12 negara pengasas iaitu Brunei, Malaysia, Australia, Kanada, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, New Zealand, Filipina, Singapura, Thailand dan Amerika Syarikat.

Sejak 1989, tahun Apec diwujudkan, negara-negara seperti China, Hong Kong, Taiwan, Mexico, Papua New Guinea, Chile, Rusia, Peru dan Vietnam telah menyertai forum ekonomi itu.

Canberra menjadi tuan rumah mesyuarat pertama Apec pada 1989 diikuti oleh Seattle (1993), Bogor (1994), Osaka (1995), Manila (1996), Vancouver (1997), Kuala Lumpur (1998) dan Auckland (1999).

Pengasas Apec, dalam mengiktiraf peningkatan pergantungan antara ekonomi-ekonomi rantau ini, mahu mewujudkan suara serantau yang lebih lantang mengenai isu-isu perdagangan.

Dari awal penubuhannya dalam mendefinisikan wawasan Apec iaitu "kestabilan, keselamatan dan kemakmuran bagi rakyat kami", forum itu telah terus bergerak untuk menangani pelbagai isu serius dan memenuhi objektif perdagangan dan pelaburan bebas antara negara-negara anggota menjelang 2010 bagi negara maju dan 2020 bagi negara membangun.

Pada mesyuarat Vancouver, Apec mengenal pasti 15 sektor ekonomi, termasuk mainan kanak-kanak, ikan, produk ikan, batu permata dan barangan

kemas, peralatan perubatan dan peralatan dan pesawat sivil, bagi EVSL (liberalisasi awal sektor secara sukarela) untuk mempercepatkan perdagangan bebas.

Setahun kemudian di Kuala Lumpur, persetujuan dicapai mengenai EVSL bagi sembilan sektor pertama iaitu mainan kanak-kanak, ikan dan produk ikan, barangan dan perkhidmatan alam sekitar, batu permata dan barangan kemas, tenaga, kimia, telekomunikasi dan peralatan perubatan.

Teratas dalam agenda mesyuarat tahun lepas di Auckland ialah kemakmuran rakyat serta penyertaan aktif wanita dan perniagaan dalam kerangka Apec.

Jika ucapan Sultan Hassanah Bolkuh pada mesyuarat Auckland menjadi petunjuk kepada apa yang akan dijangkakan pada mesyuarat forum di sini, Apec 2000 akan memberikan tumpuan khas kepada tiga bidang spesifik -- industri kecil dan sederhana, pembangunan sumber manusia serta teknologi maklumat dan komunikasi.

Mesyuarat pemimpin Apec 2000 pada 15-16 Nov akan didahului oleh mesyuarat tidak formal pegawai kanan pada 10-11 Nov, diikuti oleh mesyuarat peringkat menteri (12-13 Nov), mesyuarat Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC) (13-15 Nov) dan sidang kemuncak perniagaan pada 13-14 Nov.

Semasa berada di sini bagi rundingan tahunan dengan Sultan Hassanah Bolkuh, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu pemberita di sini pada hujung minggu lepas bahawa beliau menjangkakan mesyuarat pemimpin akan membincangkan isu-isu globalisasi.

"Saya fikir ia masih lagi soal globalisasi kerana ramai yang khuatir sama ada globalisasi akan membawa kebaikan atau keburukan kepada negara-negara membangun. Negara maju menganggap globalisasi sebagai sesuatu yang baik tapi mungkin tidak baik bagi kita," kata Dr Mahathir.

Pentas sudah disediakan bagi satu lagi mesyuarat menarik antara negara-negara anggota pada Apec 2000 Brunei Darussalam.

-- BERNAMA

JS RYN RHM MAI